

PM bidas pelabur tempatan ambil jalan mudah kaut untung

KUM 2 1 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas sikap sektor swasta terutamanya pelabur tempatan yang suka mengambil jalan mudah untuk mengaut keuntungan segera.

Beliau dalam ucapan Bajet 2003 berkata, sektor swasta hendaklah bersikap agresif, bersedia meneroka sempadan perniagaan baru dan tidak hanya tertumpu dalam sesuatu sektor sahaja.

“Jelas diperhatikan, mereka ini lebih suka bergiat dalam bidang pembinaan walaupun hartanah terjual masih tinggi dan banyak rumah kediaman serta kedai terbengkalai begitu sahaja,” katanya.

Tambahnya, keadaan ini diburukkan lagi dengan kerenah institusi kewangan tempatan yang be-

gitu ‘liat’ dalam meluluskan pinjaman dan mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi.

Kini, ujar beliau, sudah tibalah masanya, satu transformasi struktur ekonomi negara dijalankan bagi membolehkan pertumbuhan negara dijana oleh sumber domestik secara lebih pantas.

Ekonomi negara tidak boleh lagi bergantung secara keterlaluan kepada perkembangan sektor luar, pelaburan langsung asing (FDI) dan perdagangan antarabangsa untuk menjana pertumbuhan, katanya.

Perdana Menteri: “Setelah berdekad lamanya bergantung kepada sumber luar, kini pertumbuhan ekonomi negara perlu diterajui oleh aktiviti ekonomi domestik pelabur tempatan.”

Katanya, kerajaan telah menggubal beberapa pelan strategik jangka panjang yang meng-

gariskan hala tuju pertumbuhan ekonomi negara bagi mempercepatkan proses transformasi berke-

naan. Antaranya ialah, jelas beliau, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (OPP3) yang sedang giat dilaksanakan pada masa sekarang selain pelan induk sektor kewangan dan pasaran modal.

Selain itu, kata beliau, kerajaan juga telah melancarkan pelan induk ekonomi berasaskan pengetahuan yang akan menekankan proses pengetahuan, kreativiti dan inovasi dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.

“Mungkin kita perlu mencontohi negara China dan Korea yang mengeluarkan produk berkualiti tinggi sehingga menjadi pengusaha yang berjaya dan dikenali di serata dunia,” tambah beliau.